

08/03/2002

Khairil Johari bersama lagu Mawar Putih ditabal juara

LAGU ciptaan Khairil Johari Johar berdasarkan puisi Siti Zaleha Hashim berjudul Mawar Putih muncul johan Sayembara Mencipta Lagu Puisi IV yang berlangsung di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Khairil Johari yang sudah membuktikan ketrampilannya dalam dunia muzik tanah air dan juga pensyarah muzik di Universiti Teknologi Mara (UiTM) membawa pulang wang tunai RM6,000, trofi dan sijil.

Beliau pernah mencipta lagu untuk Sharifah Aini, DJ Dave, Sudirman Haji Arshad dan memiliki tiga album iaitu Kenapa Aku Hanya Kawan, Engkau dan Khairil Johari Johar.

Pemuzik sepenuh masa, Nik Nizam Jaafar, meraih tempat kedua melalui lagunya berdasarkan puisi Salmiah Ismail, Perjalanan dan melayakkannya menerima wang tunai RM5,000.

Nik Nizam yang memulakan kerjaya muzik di kelab malam di beberapa hotel di seluruh negara, kini berkhidmat dengan Kombo Istana Budaya pernah mengadakan persembahan di Vietnam, Filipina, Jerman dan United Kingdom.

Pemenang ketiga, Mohd Hafiz Askiak, mempertarungkan lagu berdasarkan puisi Maha Luas Taman Mu tulisan Suhaimi Haji Muhammad dan membawa pulang RM4,000, sempena kemenangannya itu.

Mohd Hafiz yang juga Pensyarah Fakulti Sains Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berpengalaman luas dalam bidang muzik dan antara lagu ciptaannya termasuklah lagu klip video lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Kucing pada 2000.

Penyanyi remaja, Hanny Hamid, yang mendendangkan lagu ciptaan Nik Nizam, memenangi kategori persembahan terbaik dan melayakkannya menerima wang tunai RM2,000.

Tujuh lagi peserta peringkat akhir yang menerima wang tunai RM1,000 ialah Mohd Dzarif Ismail, Mohd Safea Mohamad, Mohd Zubir Ali, Mercy Maddas, Alwin S Pohan, Ahmad Saifuddin Zainuddin dan Kam Rudin A Samah.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, menyampaikan hadiah kepada pemenang dan hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk A Aziz Deraman serta penyanyi dari Singapura, Ramli Sarip.

Mengikuti perancangan, pertandingan anjuran DBP dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM) itu akan disiarkan di TV1.

Sayembara Mencipta Lagu Puisi IV menerima 51 penyertaan daripada 47 penggubah lagu dari seluruh negara dan daripada jumlah itu, 10 berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir.

Sayembara itu adalah sebahagian daripada usaha DBP memasyarakatkan sastera dan bertujuan menggalakkan perkembangan seni hiburan berkualiti terutamanya pemilihan karya puisi yang memancarkan nilai estetika dan kesan pemikiran.

(END)